

## BAB 2

### LATAR BELAKANG SOSIAL PRAMOEDYA ANANTA TOER

#### Riwayat Peribadi Pramoedya

Pramoedya Ananta Toer dilahirkan pada 6 Februari 1925 di Blora, sebuah kota kecil di Jawa Tengah. Beliau merupakan anak pertama dari pasangan keluarga guru M. Toer dan Saidah (Pramoedya, 25 Disember 1997). Bapanya merupakan keturunan Jawa yang berasal dari keluarga *priyayi* (pembesar tradisional Jawa) di daerah Kediri yang begitu memegang kukuh etika dan adat tradisi Jawa. M. Toer memegang jawatan sebagai guru di sekolah Belanda, HBS (*Hollandsche Binnerland School*), sekolah rendah kerajaan di Rembang dengan pendapatan kira-kira 80 guilden sebulan. Namun, kerana sokongan dan partisipasi yang kuat dalam pergerakan Parti Nasionalis Indonesia (PNI) pimpinan Soekarno-Hatta, M. Toer telah berpindah untuk menjadi guru besar di sebuah sekolah peribumi dengan gaji yang sangat kecil kira-kira 20 guilden sebulan yang pastinya tidak mencukupi untuk menyara keluarga.

Sementara itu, ibunya merupakan anak penghulu (tokoh agama Islam) tradisional di daerah Rembang yang terdidik dengan ajaran Islam santri (Islam pesisir) yang teguh. Saidah pernah mendapat pendidikan Belanda sebelum berkahwin dengan gurunya (M. Toer) ketika berusia 18 tahun (Pramoedya, 25 Disember 1997). Ini sama sekali berbeza dengan ayahnya yang lebih dilandasi oleh kepercayaan tradisional Jawa (*kejawen*) dan beberapa aspek animisme. Pramoedya menjelaskan bahawa ibunya merupakan seorang

wanita yang paling cekal dan sanggup menderita terutama setelah ayahnya berpindah mengajar di sekolah rakyat milik Budi Utomo. Beliau terpaksa bekerja untuk membantu suaminya mencari rezeki seperti mengambil upah menjual kayu api, mengembala lembu dan sebagainya sehingga membawa kepada merosotnya kesihatan ibunya. Ibunya telah mengidap penyakit batuk kering dan kekurangan zat makanan yang serius (Nur'Ainy Ali, 1999: 24-25).

Pengorbanan yang ditunjukkan oleh ibunya begitu berpengaruh dalam kehidupan Pramoedya yang diasuh untuk tidak malu bekerja dan bebas dari fahaman masyarakat sekitarnya yang terlalu berorientasi kepada kehidupan *priyayi*. Dasar pendidikan peribumi pada zaman kecil sangat menitikberatkan pendidikan formal mahupun pendidikan informal dengan tujuan untuk menjadi pegawai kerajaan Belanda atau *priyayi* suatu status yang begitu disegani kerana ia dekat dengan pemerintah Belanda.

Penat lelah yang ditunjukkan ibunya telah menyebabkan Pramoedya menganggap ibunya juga merupakan guru yang menumbuhkan semangat patriotik dalam jiwanya (Pramoedya, 25 Disember 1997). Di samping itu, ibunya juga banyak mengajarnya tentang 'penentangan' terhadap beberapa aspek adat tradisional Jawa yang kolot dan menekan golongan wanita dengan meletakkan suami sebagai pemegang kuasa mutlak dalam rumah tangga dan pembuat sesuatu keputusan (Nur'Ainy Ali, 24). Dengan latar belakang agama yang kukuh, penderitaan tersebut telah menyebabkan ibunya semakin tabah dan sabar.

Pendidikan formal Pramoedya bermula pada 1929 di sekolah rakyat Budi Utomo di Blora di bawah asuhan ayahnya. Beliau tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan. Kelas satu hingga tiga dihabiskan dalam waktu enam tahun sehingga ayahnya terpaksa

mengeluarkannya dari sekolah tersebut dan diajari sendiri dengan keras dan cermat. Setelah setahun lamanya belajar di bawah didikan bapanya, beliau kembali memasuki sekolah, namun belum menunjukkan prestasi yang membanggakan. Ketika menduduki kelas 5, Pramoedya mulai merasakan konflik dalam hubungan kedua-dua orang tuanya akibat kurangnya wang nafkah untuk membiayai kehidupan mereka sekeluarga. Bapanya semakin kerap mengunjungi meja judi dan sering melukai hati ibunya (Pramoedya, 1950: 65). Keadaan ini menyebabkan Pramoedya sering memihak kepada ibunya sehingga menimbulkan kemarahan ayahnya. Seringkali berlaku pertengkaran-pertengkaran yang memberi kesan yang begitu mendalam dari aspek kemanusiaan Pramoedya. Hubungan yang agak renggang dengan ayahnya menyebabkan Pramoedya begitu menghargai pengorbanan ibunya.

Pada tahun 1940, Pramoedya mulai belajar di *Radio Vakschool*, Surabaya selama satu setengah tahun, namun tidak sempat memiliki sijil kerana pendudukan Jepun di Jawa dalam Perang Dunia Kedua. Pada masa ini, tanggung jawab menyara keluarga dipikul olehnya dengan bekerja sebagai penjual rokok, benang tenun, tembakau dan sebagainya dengan mengayuh basikal sekitar 40 kilometer setiap hari dari Cepu ke Blora. Pada tahun 1942, Pramoedya berangkat ke Jakarta dan bekerja sebagai jurutaip di pejabat berita Jepun (*Domei*) dengan pendapatan sekitar 35 rupiah sebulan. Di samping itu, beliau meneruskan pelajarannya di Taman Siswa untuk orang-orang dewasa. Separuh dari gajinya dihantar kepada adiknya di Blora untuk menyara keluarga dan membantu ibunya yang sakit. Setelah Taman Siswa dibubarkan oleh Jepun, beliau terpilih memasuki sekolah stenograf Jepun (*Tjuo Sangi-in*) pada tahun 1944 selama setahun dengan mendapat sijil kelas dua. Setelah dua tahun di Jakarta, Pramoedya meninggalkan kota

tersebut, menuju Jawa Tengah untuk menyertai tentera Badan Keamanan Rakyat (BKR) di Cikampek. Beliau ditempatkan dalam Kesatuan Benteng Teruna (tentera pelajar), Divisyen Siliwangi dengan pangkat Lans Koperal. Pada tahun 1946, beliau dinaikkan pangkat sebagai Leftenan dengan kawasan operasinya di Cibarusa, Bekasi, Cakung, Lemah Abang, Kerawang, Keranji dan Cikampek.

Ketika bertugas di Cikampek menjadi titik mula dalam dunia kepengarangan Pramoedya. Di sini beliau telah menghasilkan novel pertamanya, *Sepuluh Kepala NICA* pada tahun 1946 dan seterusnya *Runtuhnya Majapahit* (1947). Namun, kedua-dua manuskrip tersebut hilang ketika dihantar ke percetakan, iaitu Balai Pustaka. Pada tahun yang sama, beliau merealisasikan pengalaman terlepas dari maut ketika keretapi yang dinaikinya terbalik di Purwokerto yang digambarkan dalam antologi cerpennya, *Percikan Revolusi* (1950). Pada 21 Julai 1947, Pramoedya telah ditangkap oleh tentera Belanda kerana kerana beliau didapati memiliki beberapa surat bukti, pemflet-pamflet dan beberapa majalah propaganda menentang Belanda. Beliau akhirnya ditahan di penjara Bukit Duri, Jawa Barat tanpa proses pengadilan yang saksama.

Ketika berada di penjara Bukit Duri, Pramoedya telah menghasilkan novel *Perburuan, Keluarga Gerilya* serta *Tikus Manusia*. Karya-karya tersebut diseludup keluar dan dicetak atas usaha pencinta kesusasteraan Melayu dari Universiti Leiden, Prof. J. Resink dan tokoh penulis dan pengkritik sastera Angkatan 45, H. B Jassin. Pada tahun 1950, Pramoedya berjaya meraih anugerah sastera dari Balai Pustaka untuk novelnya, *Perburuan*. Setelah itu, pada 2 Mei 1950, setelah dibebaskan oleh pemerintah Orde Lama Indonesia selepas berlangsung Perjanjian Meja Bulat di The Hague, Belanda pada 1949 (berakhirnya agresi militer Belanda dan pengiktirafan kemerdekaan Indonesia oleh

Belanda), Pramoedya diangkat menjadi Pengarah Kesusasteraan Moden di Balai Pustaka (Baharum Rangkuti, 1963: 19). Dua hari setelah memegang jawatan tersebut, Pramoedya terpaksa balik ke Blora untuk beberapa ketika kerana ayahnya sakit tenat akibat diserang batuk kering dan radang paru-paru yang parah.

Keseluruhan pengalaman tentang ayahnya yang terlantar sakit dan saat-saat kematiannya diangkat secara fiktif ke dalam novel kemanusiaannya, *Bukan Pasar Malam* yang dihasilkan pada 1950 dan diterbitkan oleh Balai Pustaka. Di Blora, beliau mendapati keluarganya berada dalam keadaan yang begitu menyedihkan, kekurangan wang belanja serta dihindangi pelbagai penyakit. Adik perempuannya telah diceraiakan suami kerana sering sakit akibat kekurangan zat dan tambah menderita akibat tekanan batin. Keadaan ini memaksa tanggung jawab yang lebih besar kepada Pramoedya. Beliau terpaksa mengambil alih semua tugas menjaga dan menyara keluarga sehingga menyebabkan keruntuhan rumah tangga sendiri, perkahwinannya dengan Arfah Iljas yang dikenalnya ketika menjadi tahanan di penjara Bukit Duri. Kisah perkahwinan tersebut turut dimuatkan di dalam *Bukan Pasar Malam* yang dianggap sebagai novelet kemanusiaan terbaik yang pernah dihasilkan oleh Pramoedya (Umar Kayam, 1993: 9)

Setelah kembali ke Jakarta, Pramoedya hanya bekerja di Balai Pustaka untuk beberapa ketika sahaja kerana tidak puas hati dengan dengan corak pengurusan yang ada di pejabatnya. Pada Disember 1951, beliau meninggalkan Balai Pustaka dan mendirikan agensi kesusasteraan, L & F Acy Duta yang mengkhususkan kepada kegiatan-kegiatan seperti pengajaran sastera, bahasa, kesenian dan kebudayaan secara intensif kepada masyarakat umum.

Pada awal aktivitiya, pertubuhan ini berkembang pesat. Namun secara bertahap, ia semakin merosot kerana beberapa masalah terutama kewangan dan kurangnya sambutan dari masyarakat Indonesia dan akhirnya telah dibubarkan pada 1952. Sebagai pengganti kepada pertubuhan ini, Pramoedya dan temannya, Basuki Resbowo telah menubuhkan badan kesusasteraan baru iaitu *Gelanggang Kesenian* yang disertai oleh beberapa penulis terkenal dari Angkatan 45 seperti Sitor Situmorang, Rivai Apin dan Asrul Sani (Koh Young Hoon, 1996: 9-10).

Pada Jun 1953, atas undangan *Stitung Voor Culturele Samenwerking: Yayasan Kerjasama Kebudayaan Belanda-Indonesia* (Sticusa), Pramoedya dan keluarganya mendapat tajaan ke Belanda untuk mengikuti pertemuan para sasterawan Eropah dan Asia serta beberapa seminar dan simposium sastera di Den Haag (The Hague). Pergiannya ke negara tersebut meninggalkan kesan yang begitu mendalam terhadap pemikiran Pramoedya terutama pandangan terhadap masyarakat, kemanusiaan dan kemerdekaan. Beliau begitu kecewa dengan sikap dan pandangan masyarakat kulit putih (Belanda) yang memandang bangsa Indonesia sebagai masyarakat kelas kedua ketika menaiki kapal *Oldenbarnevelt* (H. B Jassin, 1985: 19-22). Ini menimbulkan kesedaran moral begitu besar bagi Pramoedya kerana bangsa Indonesia dijajah lebih 350 tahun dan seluruh hak-haknya dirampas. Walaupun pemerintahan Belanda telah berakhir pada 1949, masih terdapat elit-elit politik peribumi Indonesia sendiri dan kelompok-kelompok inilah yang 'ditentang' oleh beliau dalam kebanyakan novel-novelnya, terutamanya pasca perang Revolusi. Selepas enam bulan di Belanda, Pramoedya kembali ke Indonesia dan mula menumpukan sepenuh perhatian di dalam bidang penulisan yang merangkumi kesemua genre sastera, khususnya novel dan cerpen. Pada 1955, beliau

diundang oleh Lembaga Sastera China untuk menghadiri peringatan ke-20 kematian pujangga Lu Sin. Di China, Pramoedya mulai mengenal tentang pentingnya rakyat dalam pembinaan negara bangsa. Beliau melihat perlunya satu kesinambungan yang erat antara rakyat dan pemimpin di Indonesia agar masyarakat tidak diabaikan begitu sahaja dalam suatu pemerintahan kerana mereka adalah inti dari sesebuah negara. Bersama dua temannya, Henk Ngantung dan Kotot Sukardi, Pramoedya telah menggesa semua seniman dalam pelbagai bidang seni agar menyokong Demokrasi Terpimpin yang dibentuk oleh Soekarno. Kejayaan menarik sokongan 67 anggota delegasi seniman Indonesia agar menyokong Demokrasi Terpimpin pada Mac 1957 telah membolehkan beliau diangkat oleh Pemerintah Indonesia sebagai anggota delegasi Pengerahan Tenaga Rakyat (Petera) pada 28 Disember 1957.

Pada tahun 1958, Pramoedya telah menubuhkan kumpulan diskusi Simpat Sembilan yang dianggotai oleh seniman, wartawan dan pelajar-pelajar Indonesia. Pertubuhan ini bertujuan untuk menerapkan sejarah kesusasteraan Indonesia yang mempunyai tradisi revolusioner dan mampu melawan imprealis. Idea ini kamudiannya diketengahkan oleh Pramoedya, Utuy Tatang Sontani dan Dodong Djiwapanadja dalam Kongres Pengarang Asia-Afrika di Tashkent, Turkmenia pada 7 September 1958. Sebulan sesudah kembali dari kongres tersebut, beliau menghadiri Kongres Nasional I Lekra di Solo, badan kebudayaan dan kesenian yang terletak di bawah Parti Komunis Indonesia (PKI). Dalam kongres tersebut Pramoedya telah terpilih sebagai Ketua Lembaga Sasterawan Indonesia. Beliau juga turut dilantik sebagai anggota Dewan Perancang Nasional yang bertanggung jawab untuk melahirkan karya-karya sastera dan bahan bacaan sastera yang beridentiti Indonesia murni. Di bawah Lekra, beliau

Pengarang majalah *Lentera* yang merupakan majalah rasmi bulanan, Lekra dengan dibantu oleh beberapa tokoh penulis lain, antaranya Sitor Situmorang dan Utuy Tatang Sontani.

Menurut Savitri Prastiti Scherer, perlantikan ini bererti Pramoedya bertanggungjawab melahirkan tulisan-tulisan yang bebas dari kerangka berfikir dan kebudayaan kolonial seperti yang diamalkan oleh sebilangan besar penulis-penulis Angkatan 45 (Savitri, 37). Dalam erti kata lain, *Lentera* diwujudkan sebagai sarana pengembangan ide sastera, kesenian dan kebudayaan yang benar-benar mengambil bangsa Indonesia sebagai sumber rujukan.

Sementara itu, lawatan ke beberapa negara seperti Rusia, Turkmenia, Myanmar dan China serta penglibatan serius di dalam Lekra memberi pemahaman yang lebih luas tentang pelbagai aspek kemanusiaan, pertentangan kelas dalam hirarki sosial dan sebagainya yang kamudiannya banyak mempengaruhi tulisan-tulisan yang dihasilkan. Antaranya kisah tentang watak Minke, Nyai Ontosoroh dan sebagainya dalam tetralogi *Bumi Manusia*, sebagai bangsa peribumi yang tertindas oleh kolonial dan kapitalisme serta sikap diskriminasi dalam bidang politik dan pendidikan begitu ketara. Pemahaman terhadap konsep perbezaan masyarakat dalam hirarki sosial, ekonomi dan politik inilah yang sering difokus tetapi tidak diinterpretasi dari sudut ideologi. Sebaliknya beliau cenderung melihatnya dari aspek psikologinya, iaitu kemasyarakatan (H. B Jassin, 1986, 39). Dengan lain perkataan, Pramoedya cuba membebaskan pemahaman tentang negara bangsa, politik, kemanusiaan dan sosial dari aspek ideologi, iaitu Marxisme tetapi cenderung melihatnya dari perspektif yang lebih terperinci iaitu humanisme (kemanusiaan).

Kegiatan aktif Pramoedya di dalam bidang penulisan sastera terhenti pada 13 Oktober 1965 setelah gagalnya pemberontakan G-30-S/PKI. Beliau ditahan oleh pemerintah Orde Baru kerana dituduh terlibat secara langsung menyebarkan propaganda Parti Komunis Indonesia dan ideologi Marxisme-Leninisme. Beliau dipenjarakan di Krang Tengah, Nusa Kambangan. Pada 16 Ogos 1966, tanpa proses pengadilan yang sewajarnya, beliau telah dihantar ke pusat tahanan politik di Pulau Buru bersama 850 tahanan lain hingga dibebaskan pada 12 November 1979 (Pramoedya Ananta Toer, 1995: 14-18). Di Pulau Buru, Pramoedya berjaya menghasilkan karya tetralogi *Bumi Manusia* (*Bumi Manusia*, *Anak Semua Bangsa* dan *Jejak Langkah*), *Rumah Kaca*, *Mata Pusaran*, *Arus Balik* dan *Mangir*. Namun, sebahagian besar karya ini dilarang beredar oleh pemerintah Indonesia kerana dianggap mengandungi unsur-unsur propaganda komunis.

### **Kedaaan Ekonomi, Politik dan Geografi Blora**

Kedaaan ketiga-tiga unsur ini merupakan elemen yang sangat penting untuk mengkaji asas kepengarangan Pramoedya dan kesedaran kolektifnya dalam berkarya. Ini kerana Pramoedya sendiri membesar dalam suasana kehidupan yang memberi kesempatan kepadanya untuk memerhati sendiri kehidupan keluarga, masyarakat dan persekitarannya di Blora. Dari beberapa karyanya seperti *Bukan Pasar Malam*, *Cerita Dari Blora* dan *Perburuan*, Pramoedya menjelaskan Blora dari sudut ekonomi, demografi, politik mahupun geografi iaitu berkaitan dengan bentuk perekonomian, sistem sosial penduduk, suasana politik mahupun keadaan bentuk muka bumi. Dari aspek

geografi misalnya, wilayah ini dikatakan mempunyai struktur batu kapur dan berasid dengan dialiri oleh Sungai Lusi di selatan sehingga tidak sesuai untuk dijadikan kawasan pertanian. Satu-satunya tanaman yang sesuai ditanam di kawasan ini ialah kacang soya, tetapi hanya terhad di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Tambahan pula, daerah Blora juga menerima taburan hujan yang rendah serta kering sepanjang tahun. Ketika era pemerintahan Belanda, kawasan ini tidak dipedulikan kerana tidak ekonomis sehingga meletakkan daerah ini sebagai wilayah yang paling miskin di Jawa pada zaman pemerintahan Belanda. Pemerintah Belanda cenderung menumpukan perhatian ke daerah-daerah yang lebih subur, terutamanya Rembang yang terletak kira-kira 20 kilometer dari Blora. Program pengairan yang diadakan oleh pemerintah Belanda tidak dapat berfungsi dengan baik kerana Sungai Lusi yang menjadi punca utama air di daerah ini terlalu cetek dan mempunyai kapasiti air yang sangat sedikit (Baharum Rangkuti, 34).

Ketika pendudukan Jepun, hasil pertanian terutama soya dan padi yang sedikit dikeluarkan oleh penduduk daerah ini telah dirampas. Sementara itu banyak pemuda-pemuda dari kota ini dikerah untuk berkhidmat dalam tentera Jepun dan dihantar ke pelbagai pelosok Indonesia. Hal ini, menurut Pramoedya meninggalkan kesan sosio-ekonomi yang begitu ketara sehingga menyebabkan terjadinya kebuluran dan penduduk terpaksa memakan tongkol-tongkol jagung yang diparut (Pramoedya Ananta Toer, 27 Disember 1997). Hal yang sama dijelaskan olehnya di dalam karya *Bukan Pasar Malam* dan *Cerita Dari Blora*, yang mengatakan masalah buta huruf yang begitu besar di kalangan penduduk Blora kerana terlalu kurangnya perhatian dari pemerintah kolonial Belanda. Masyarakat pula begitu berpegang kukuh kepada kepercayaan *kejawen*

(kepercayaan tradisional Jawa) yang menekankan kepada aspek-aspek spiritual tentang kepercayaan kepada dewa-dewi dan animisme, hasil pengaruh dari Hindu-Buddha.

Untuk mengatasi masalah kemiskinan keluarga, sering kali anak-anak dikahwinkan dalam usia yang terlalu muda (sebelum 12 tahun). Bahkan ada yang dikahwinkan ketika berusia lapan tahun (Pramoedya Ananta Toer, 1950: 38-39). Akibatnya sering terjadi perceraian kerana mereka masih belum mengenali tugas sebagai suami isteri seperti yang dijelaskan oleh Pramoedya di dalam cerpen "Inem" yang dimuatkan dalam *Cerita dari Blora* (Pramoedya Ananta Toer, 1950: 38-40). Malah, kanak-kanak juga jarang mendapat pendidikan formal kerana ketiadaan guru mahupun sekolah moden di Blora, khususnya untuk masyarakat bawahan yang disediakan oleh pemerintahan Belanda. Mereka hanya terbatas kepada pendidikan tradisional yang mengarah kepada usaha-usaha untuk sara hidup serta beberapa pendidikan berasaskan adat serta sedikit pengetahuan Islam.

Kemiskinan menyebabkan ramai wanita di daerah ini mencari nafkah hidup sebagai pelacur di warung-warung kopi di sekitar kota Blora dan Rembang (Pramoedya, 1954: 17). Tidak sedikit yang berhijrah ke beberapa daerah lain termasuk Jakarta untuk bekerja di rumah-rumah bangsawan serta pembesar-pembesar Belanda.

Sementara itu, terdapat orang-orang miskin yang menjadi pembunuh upahan untuk segelintir orang-orang kaya di kota tersebut, atau menjadi perompak serta pencuri-pencuri lembu penduduk. Tidak sedikit yang berhijrah ke wilayah-wilayah lain di Jawa dengan bekerja sebagai buruh-buruh di perkebunan tebu dan kilang-kilang gula milik Belanda.

Menurut Pramoedy, situasi keluarga dan masyarakat persekitarannya telah membentuk keperibadiannya dan anggota masyarakat Blora menjadi keras, tegas dan tabah mengharungi hidup (Pramoedy Ananta Toer, 28 Disember 1998). Di sisi lain, persoalan-persoalan ini memberi peluang kepadanya untuk memahami lebih jauh tentang pertentangan kelompok masyarakat, persoalan kemanusiaan dan kesedaran kolektif. Apa laginya bapanya yang juga seorang penulis prosa Jawa sering menceritakan kepadanya tentang zaman kegemilangan kerajaan Majapahit, Mataram dan beberapa kerajaan awal di Jawa sebagai perbandingan dengan zaman susah di Blora pada masa pemerintahan Belanda dan Jepun. Sewaktu kecilnya, ayahnya juga sering membawa Pramoedy berjalan-jalan di pinggir kota sambil bercerita tentang pokok-pokok, langit, bumi, kedamaian, keharmonian dan kemanusiaan yang begitu meninggalkan kesan yang mendalam di dalam dirinya (Pramoedy, 27 Disember 1997). Malah, bapanya sering menceritakan tentang keperitan masyarakat Indonesia ketika Belanda melaksanakan Sistem Tanam Paksa (1820-1860) di mana sebahagian penduduk di Jawa mengalami kebuluran dan menderita pelbagai penyakit (dijelaskan oleh Pramoedy dalam tetralogi *Bumi Manusia*).

Secara tidak langsung faktor-faktor ini begitu berpengaruh di dalam dunia kepengarangan Pramoedy. Menurut H.B Jassin;

Kemiskinan dan penderitaan masyarakat sekelilingnya banyak memberi pengalaman kemanusiaan kepada Pramoedy. Ketika pertama kali menduduki bangku sekolah dasar di Blora, dia sering melihat tragedi kemanusiaan seperti kemiskinan, kahwin dalam usia muda, pembunuhan di hutan-hutan jati dan lain-lain. Tetapi yang paling memberi kesan kepadanya ialah konflik kedua-dua orang tuanya kerana kekurangan wang biaya hidup. Konflik ini kadang-kadang menyebabkan Pramoedy terpaksa berkorban dan mendampingi ibunya seperti berkebun, meniaga padi dan menjadi gembala kambing. Apa lagi setelah bapanya berhari-hari tidak pulang kerana berada di meja judi (H. B Jassin, 1963: 11).

## **Karya-karya Sastra Sebagai Kesedaran Kolektif**

Pemahaman dan kesedaran tentang kepentingan kelompok kemanusiaan ini kemudiannya direalisasikan ke dalam setiap karyanya sebagai rasa prihatin, simpati, pembelaan terhadap golongan yang tertindas dan masyarakat bawahan di Indonesia dan dunia secara umum. Seperti menurut Pramoedy;

Bukan Multatuli, bukan Tolstoy, bukan Marxim Gorky dan siapa-siapa yang menyedarkan saya tentang kesemua ini. Tetapi penderitaan manusia Indonesia, tekanan kolonial, perang dan orang-orang yang berkuasa mempunyai pengaruh yang lebih besar untuk saya berbicara dalam semua karya-karya itu. Jika tidak saya dan orang-orang yang sedar, siapa lagi? (Pramoedy Ananta Toer, 1980: 6)

Dengan lain perkataan, unsur-unsur yang diperjuangkan oleh Pramoedy dalam novel-novel dan cerpen-cerpennya adalah realiti dari hakikat kemanusiaan yang pernah dilihat dan dirasakan olehnya ketika tinggal di Blora dan pengalamannya menjadi rakyat Indonesia yang ratusan tahun terjajah dari aspek fizikal dan mental oleh kolonial Belanda. Apa lagi ketika ditahan di kem tentera Jaga Monyet oleh Belanda dan kemudiannya dipenjarakan di Bukit Duri serta menjadi tahanan politik di Pulau Buru selama 18 tahun tanpa proses pengadilan yang wajar. Di dalam penjara, Pramoedy melihat hak-hak manusia dan kebebasannya dinafikan begitu sahaja. Beliau sendiri dipenjarakan tanpa proses pengadilan dan tuduhan yang tidak berasas. Manakala penjajahan yang dihadapi oleh bangsa Indonesia adalah sama seperti dirinya yang dipenjarakan tanpa proses pengadilan dan segenap bangsa Indonesia adalah banduan-banduan dalam sebuah kurungan besar yang sama sekali tidak mempunyai hak untuk menentukan nasib sendiri. Pembela-pembela rakyat iaitu tokoh-tokoh nasionalis Indonesia dipenjarakan tanpa pengadilan yang sewajarnya oleh Belanda dengan bantuan

segelintir pembesar-pembesar peribumi yang mempunyai kepentingan tertentu dalam hubungan mereka dengan Belanda (Umar Kayam, 1991: 24-25).

Malah, Pramoedya menerusi karyanya *Hao Kiau di Indonesia* (1962), melihat manusia mempunyai hak yang sama, tanpa mengira keturunan, kepercayaan mahupun bahasa. Novel yang merupakan pembelaan terhadap nasib keturunan Cina di Indonesia pada zaman Orde Lama akhirnya telah menyebabkan Pramoedya dipenjarakan di Jakarta lebih dua tahun. Tuduhan utama terhadap Pramoedya dalam kes ini ialah menimbulkan unsur provokatif dengan mengakui hak-hak masyarakat Cina yang dinafikan ketika Orde Baru. Apa lagi ketika itu, hubungan diplomatik antara Indonesia dan Republik Rakyat China (RRC) hampir terputus kerana RRC dituduh terlibat secara langsung dalam membantu Parti Komunis Indonesia (PKI) menubuhkan sebuah negara Republik Soviet-Indonesia. (Sartono Kartodihardjo, 1986: 76-77) Namun, Pramoedya tetap berpegang pada prinsipnya, bahawa pengarang adalah lidah masyarakat yang dilahirkan oleh masyarakat, sekaligus mewakili kepentingan kelompok. Sedar atau tidak, karya-karyanya merupakan ekspresi untuk memperjuangkan kehidupan yang bebas dari segala belenggu seperti ketidakadilan kolonial, kepincangan birokrasi peribumi oleh golongan *pamongpraja* (elit tempatan di Jawa yang merupakan pegawai-pegawai daerah yang mendapat pendidikan Belanda) serta diskriminasi dalam politik, ekonomi dan sosial oleh pemerintah Belanda terhadap penduduk peribumi (Koh Young Hoon, 1996: 158-159).

Menurut Pramoedya, kepentingan kelompok yang berdasarkan pandangan dunia serta kesedaran kelompok tersebut merupakan sesuatu yang bergerak sifatnya. Dalam hal ini, pengarang itu sendiri merupakan salah seorang anggota kelompok yang menghimpun dan mengutarakan seluruh perkembangan yang terjadi di dalam masyarakatnya dan

segala aspirasi kelompoknya untuk menyatakan kesedaran kolektif dan penyataan kelas jika berdasarkan pandangan yang diutarakan di dalam Strukturalisme Genetik oleh Lucien Goldmann. Jika kembali meneliti dan menghayati teks-teks oleh Pramoedya ini, beliau telah meletakkan dirinya sebagai seorang anggota kelompok yang mengutarakan keseluruhan aspirasi kelompoknya yang sedang berhadapan dengan tekanan-tekanan tersebut. Sebagai misalannya dalam beberapa novel terbaiknya seperti *Keluarga Gerilya* kisah keluarga pada masa revolusi Indonesia (1945-1949), permasalahan ini diketengahkan dengan begitu ketara. Menurut beberapa pengkaji sastera seperti H.B Jassin, persoalan perang yang dihadapi oleh keluarga Amilah hanya sebagai pakaian dari persoalan sebenar yang ingin diketengahkan oleh Pramoedya tentang satu kepentingan kelompok masyarakat bawahan di Indonesia (H.B Jassin, 1970: 23-26). Manakala watak-watak lain, iaitu Kartiman, Canimin dan Saaman yang membunuh ayahnya mereka sendiri kerana menyokong Belanda, hanyalah ramuan dari sebuah kisah. Namun, kesimpulan keseluruhan dari novel ini ialah pertentangan kelas dan aspirasi kelompok yang disuarakan oleh Pramoedya. Secara tidak langsung ia memperlihatkan konflik antara masyarakat bawahan, iaitu rakyat dan pejuang revolusi dengan tentera Belanda dan pembesar-pembesar tempatan yang menyokong kuasa kolonial tersebut. Di sisi lain, Pramoedya tetap mengutarakan kemanusiaannya. Pembunuhan dapat diterima di dalam perang meskipun bertentangan norma-norma manusia, tetapi ia tetap memberi makna kemanusiaan untuk membela rakyat dan pejuang revolusi Indonesia lainnya, sekali gus membawa kejayaan kepada perjuangan menentang Belanda. *Perburuan* (1950) yang dianggap salah satu novel bertemakan zaman pendudukan Jepun dan era pra Revolusi perang terbaik (I.B Dharma Palaguna, 1985: 137-138) juga mengemukakan pandangan

yang sama. Watak-watak yang dikemukakan iaitu Hardo, Karmin, Ninsih dan Dipo hanyalah 'perencah' untuk mengukuhkan pandangan Pramoedya tentang kepentingan kelompok. Persoalan perang menentang Jepun yang menjadi tema novel ini merupakan tujuan kedua. Namun, yang ingin diperlihatkan ialah keinginan untuk menyatakan bahawa perang dan tentera-tentera Jepun adalah kelompok yang menekan kelompok lain yang diwakili oleh watak-watak tersebut. Manakala wata-watak seperti ayah Hardo dan Karmin pula semacam metafora dari segelintir masyarakat Indonesia yang sedar tentang perlunya membela kelompok yang tertekan setelah mereka melakukan sesuatu yang merugikan bangsanya, iaitu mengkhianati perjuangan bangsa. Secara simboliknya, Pramoedya menampilkan cara perjuangan kelompok yang tertekan, misalnya watak Hardo tidak mengaku bapanya sebagai ayah demi menjaga keselamatan diri. Dengan lain perkataan, Pramoedya menyimpulkan bahawa, dalam menyatakan kesedaran kolektif kelompok, perlunya pengorbanan oleh setiap anggota kelompok tersebut meskipun ia sedikit menyinggung nilai moral masyarakat.

Sebagai penulis humanis, Pramoedya tetap mengekalkan aspirasi kemanusiaannya misalannya sikap Hardo dan Dipo yang tetap memaafkan Karmin yang pernah mengkhianati perjuangannya mereka demi rasa kemanusiaan. Begitu juga dengan karya-karyanya seperti *Mereka Yang Dilumpuhkan* dan beberapa karya yang mengangkat tema zaman perang revolusi mahupun pendudukan Jepun. Dalam karya-karya yang mengangkat tema sebelum perang dan pasca perang kemerdekaan seperti *Korupsi*, *Cerita Calon Arang*, *Midah Si Manis Bergigi Mas* dan tetralogi *Bumi Manusia*, beliau lebih menyentuh persoalan kemanusiaan akibat kemiskinan dan ketidakadilan pemerintah serta birokrasi sehingga masyarakat menderita dan terpaksa melakukan sesuatu yang

menyalahi peraturan serta nilai-nilai sosial. Sebagai misalannya novel *Korupsi* yang menggambarkan watak 'aku' yang terpaksa melakukan korupsi (pecah amanah) kerana desakan kemiskinan keluarga dan ketidakcukupan biaya untuk membiaya persekolahan anak-anaknya kerana gaji yang diterima sebagai pegawai negeri sama sekali tidak mencukupi. Jika diteliti dalam novel ini, Pramoedya menyatakan rasa kecewanya terhadap pemerintah Orde Lama yang tidak memperdulikan nasib golongan pekerja, khususnya pegawai-pegawai rendah yang bertungkus-lumus membantu pentadbiran pemerintah.

Mereka mendapat gaji yang sangat rendah-dan sama sekali tidak cukup untuk meneruskan kehidupan selayaknya di kota Jakarta. Selain itu, pemerintah juga sama sekali tidak menyediakan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya untuk mereka. Oleh itu satu-satu jalan yang terpaksa dilakukan oleh 'Aku' yang mewakili kelompok pegawai rendah kerajaan terpaksa melakukan korupsi meskipun bertentangan dengan nilai-nilai moral. Watak aku juga merupakan satu pandangan dunia kelompok yang diwakili oleh Pramoedya dalam menyatakan 'penentangannya' terhadap kelas penguasa Orde Lama yang mengabaikan kesejahteraan rakyat.

Maman Mahayana (1994: 127), seorang peneliti sastera kotemporari Indonesia berpendapat bahawa dalam novel yang padat dengan tema kemasyarakatan ini, Pramoedya menyatakan watak 'Aku' dan korupsi yang dilakukan tersebut adalah protes secara fiksi terhadap golongan-golongan elit birokrasi dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang bebas mengaut wang negara ke poket mereka menerusi korupsi mahupun rasuah.. Masyarakat bawahan dan kelas menengah ketika Orde Lama terdedah kepada tekanan ekonomi yang jarang diperhatikan oleh kerajaan. Di samping itu, kemelut

ekonomi yang melanda pemerintahan Indonesia pada dekad tersebut semakin memberi kesan yang begitu ketara kepada golongan ini. Mereka terpaksa melakukan pecah amanah dan rasuah bukan tujuan untuk menjadi kaya tetapi justeru untuk meneruskan kehidupan masing-masing.

Aspek kesedaran dan pandangan dunia kelompok turut disentuh oleh Pramoedya ialah persoalan-persoalan yang berkait rapat dengan masalah kahwin paksa dan pemahaman masyarakat Jawa tradisional yang melingkunginya. Dalam *Midah Si Manis Bergigi Mas* dan tetralogi *Bumi Manusia*, watak Midah dan Surati adalah tindak balas Pramoedya terhadap pandangan kolot masyarakat Jawa dalam menanggapi sistem kekeluargaan. Kanak-kanak yang berusia lebih 10 tahun dianggap telah dewasa dan mesti dikahwinkan untuk mengelakkan gejala-gejala negatif yang boleh mengaibkan keluarga seperti penyimpangan seksual atau mengelakkan anak dara tua serta tidak bersuami (Moerwati Djoned Pusponero, 1981: 14-16).

Persoalan yang diketengahkan ini dinilai sebagai gabungan latar belakang Pramoedya dan pengalamannya sewaktu kecil di Blora yang melihat bagaimana teman-teman sepermainannya yang berusia di bawah sepuluh tahun terpaksa mendirikan rumah tangga di bawah paksaan orang tua masing-masing sehingga membawa kepada perceraian dan kesan-kesan kesihatan. Malah, teman-temannya tersebut terpaksa bertungkus-lumus membantu suami masing-masing di sawah atau kebun, sekaligus terpaksa melupakan alam kanak-kanak yang sepatutnya dirasai. Tidak sedikit, dari mereka dipukul oleh suami masing-masing kerana tidak dapat menguruskan keluarga dengan baik (Pramoedya Ananta Toer, 1950: 28-33).

Menurut H.B Jassin, pengalamannya di Blora memberikan kelebihan tersendiri kepada Pramoedya dalam melihat pelbagai fenomena dan gejala masyarakat untuk diketengahkan sebagai tema dalam sesebuah tulisannya. Pengalaman ini turut digunakan untuk melihat masyarakat Indonesia secara umum (H.B Jassin, 2 Mac 1964: 3).

Pengalaman-pengalaman inilah yang menjadi elemen-elemen penting dalam setiap penulisan Pramoedya yang pastinya berbeza dengan pengarang-pengarang Indonesia sezaman yang masih menekankan faham konvensional dalam proses kepengarangan mereka. Dengan lain perkataan, 'laporan-laporan' yang diketengahkan di dalam karya-karyanya ini meletakkan Pramoedya sebagai lidah masyarakat sebagai saksi zaman dan cerminan setiap periodenya. Atas kesedaran kolektif inilah Pramoedya dalam karya-karyanya cuba memperlihatkan pandangan dunia kelompok yang melatari kehidupannya sejak di Blora secara umum dan Indonesia secara khususnya dengan memerhatikan setiap 'episod' yang terjadi di dalam drama politik, ekonomi dan sosial di Indonesia. Namun, beliau melihat kesedaran dalam setiap episod ini adalah didasarkan oleh satu pandangan dunia masyarakat yang mendukung proses pengkaryanya.